

MT menjemput lima bekas ahli

KUALA LUMPUR, Jumaat — Majlis Tertinggi (MT) Umno hari ini menjemput lima bekas anggota yang dipilih dalam pemilihan parti tahun lalu menduduki semula kerusi MT.

Mereka ialah Datuk Radzi Sheikh Ahmad, Puan Marina Yusof, Datin Paduka Rahmah Osman, Datuk Zainal Abidin Zin dan Datuk Shahrir Abdul Samad.

Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, mereka akan dilantik menduduki MT setelah menganggotai Umno. Kelima-lima mereka dipilih dalam pemilihan parti pada April 1987.

"Oleh kerana mereka semua dipilih oleh perwakilan dalam Perhimpunan Agung Umno pada 1987, kita rasa mereka berhak menjadi ahli MT sekiranya sudah menjadi ahli Umno," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat MT di ibu pejabat Umno di sini.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, mereka akan diberitahu secara rasmi mengenai tawaran itu secepat mungkin.

Katanya, keputusan itu dibuat kerana ahli MT sebulat suara mahukan kelima-lima mereka menganggotai MT dan tidak meninggalkan Umno.

"Bagaimanapun, kita tidak boleh berbuat apa-apa sekiranya tawaran ini ditolak. Kita mahu mereka kekal sebagai anggota MT dan ahli Umno, tetapi apakah yang boleh kita lakukan sekiranya mereka tidak mahu," katanya menjawab soalan pemberita.

Beliau berkata, mesyuarat

Oleh SA'ODAH ELIAS

MT hari ini juga mengambil keputusan mengesahkan bahawa semua ahli Umno yang didaftarkan sebelum 31 Disember depan boleh menyertai pemilihan peringkat cawangan dan bahagian yang akan diadakan tahun depan.

Katanya, mesyuarat agung cawangan mestilah diadakan sebelum April 1989 sementara mesyuarat agung bagi Pergerakan Pemuda dan Wanita dibuat selepas cawangan disahkan.

Katanya, mereka yang terlewat disahkan sebagai ahli kerana masalah teknikal boleh memohon untuk dipertimbangkan bagi menyertai mesyuarat agung cawangan dan bahagian kepada jawatankuasa penganjur mesyuarat.

Surat

Datuk Seri Dr Mahathir juga memberi penjelasan kepada anggota MT mengenai surat jawapan bekas Menteri Perdagangan dan Perindustrian, Tengku Razaleigh Hamzah dan bekas Timbalan Perdana Menteri, Datuk Musa Hitam, terhadap tawaran jawatan sebagai Menteri Tidak Berportfolio.

Katanya, Tengku Razaleigh menolak tawaran itu manakala Datuk Musa Hitam tidak memberikan keputusan muktamad sama ada menerima tawaran itu atau menolaknya.

"Tidak seperti Tengku Razaleigh yang terus terang menolak jempunan itu, Datuk Musa membangkitkan pelbagai perkara, termasuk mengenai memorandum daripada 23 cendekiawan Melayu bagi menyatupadukan orang Melayu yang boleh dijadikan asas perbincangan lanjut.

"Berdasarkan surat itu, saya sendiri tidak tahu apakah sebenarnya yang dimaksudkan oleh Datuk Musa Hitam," katanya.

Katanya, tawaran kepada kedua-dua mereka bagaimanapun masih terbuka.